

# Kerjasama pelbagai pihak mengangkat kegemilangan sukan

UB 24.11.2021 P.05

**KOTA KINABALU:** Kerjasama Majlis Sukan Sabah, Kementerian Belia Dan Sukan Sabah (KBSS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu mengembangkan kegemilangan sukan di negeri Sabah.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ellron Angin berkata jaringan kerjasama itu merupakan satu pendekatan yang saintifik untuk membangun dan memajukan sukan di negeri ini.

“Dalam usaha meningkatkan prestasi sukan, pendekatan saintifik seharusnya dilaksanakan dengan menggabungkan bidang sains dalam sukan.

“Penubuhan Pusat Sains Sukan Sabah di bawah kendalian Majlis Sukan Negeri Sabah telah membolehkan teknologi sains sukan di aplikasikan secara menyeluruh di kalangan atlet dan pegawai dalam melahirkan atlet yang



**METERAI:** Taufiq (depan, dua kanan) bersama Mohd Asneh (depan, dua kiri) menandatangani MOU sambil diperhati Ellron (belakang, tiga kiri) pada majlis tersebut.

berani dan berkeyakinan.

“Antara perkhidmatan disediakan ialah psikologi, pemakanan, kesesuaian fizikal, fisiologi senam, penilaian sukan spesifik, kecederaan dan pemulihan, program

perkhidmatan perancangan dan pemantauan jurulatih serta atlet yang tidak mengecualikan atlet Orang Kurang Upaya (OKU),” katanya.

Beliau berkata demikian

ketika berucap pada perasmian majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara tiga pihak terbabit, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) semalam.

Selain itu, Ellron mengingatkan ganjaran lumayan akan diberikan kepada atlet cemerlang di peringkat kebangsaan mahupun antara-bangsa, sekali gus menjadi motivasi kepada penggiat sukan dalam mengangkat kecemerlangan sukan negeri ini.

Sempena majlis itu di adakan pelancaran buku Pelan Strategik Pembangunan Sukan Sabah 2021-2030.

Hadir sama Pembantu Menteri Belia dan Sukan, Andi Muhammad Suryady Bandy, Setiausaha Tetap Kementerian Belia dan Sukan Sabah, Masur Asun, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin, Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar, Pengarah Majlis Sukan Negeri Sabah, Mohd Asneh Mohd Noor dan Pengerusi Lembaga Sukan, Osman Aganduk. — Penerangan